

26 MAR 2002

Najib-Kereta Kebal (Bergambar)

JUMLAH KERETA KEBAL BELUM DIPUTUSKAN, KATA NAJIB

KUALA LUMPUR, 26 Mac (Bernama) -- Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkata kerajaan belum menetapkan mengenai bilangan kereta kebal PT 91 yang akan dibeli dari Poland.

Beliau berkata kementerianya belum memutuskan jumlah yang akan dibeli bagi melengkapi empat pasukan Kor Amor Diraja Tentera Darat itu.

Masih terlalu awal untuk memperkatakan jumlah dan kos yang diperlukan kerana rundingan perlu dilakukan antara kerajaan Malaysia dan Poland, katanya kepada pemberita selepas melancarkan program Pusat Perkhidmatan Komuniti Desa Tun Hussein Onn (Program K-Famili) Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di sini.

"Kita kena tunggu rundingan yang akan diadakan dan perlu lihat offer dari Poland dulu," kata Najib.

Sementara itu, menurut Najib, selain dari Poland, Malaysia juga akan membeli peralatan ketenteraan dari negara lain. Bagaimanapun "kita belum shortlist negara dan peralatan yang akan dibeli," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan mengenai keputusan kerajaan membeli kereta kebal berkenaan semasa melakukan lawatan rasmi tiga hari ke Poland minggu lepas.

Sementara itu, mengenai program berkenaan, Najib berkata ia bertujuan meningkatkan pembudayaan ilmu dan kualiti hidup di kalangan keluarga tentera.

Projek perintis yang menelan belanja RM2.5 juta itu akan membabitkan keluarga tentera di Rumah Keluarga Desa Tun Hussein Onn.

"Melalui K-famili ini kita ingin melahirkan dan membentuk ahli-ahli keluarga angkatan tentera yang kaya dengan pengetahuan dan dapat menyemarakkan minat khususnya generasi muda mencintai ilmu," katanya.

Program K-famili ini juga sebagai tanda keprihatinan kerajaan terhadap pengorbanan tentera yang sering berpindah dari satu lokasi ke lokasi lain kerana ia memberi kesan pada prestasi pencapaian akademik anak-anak mereka.

"Pindah randah merupakan satu punca pencapaian akademik di kalangan anak tentera lebih rendah dibandingkan dengan anak dari keluarga lain. K-famili ini dilihat mampu untuk menjana minat dan kemahiran keluarga tentera dan anak-anak mereka dengan kemudahan yang disediakan," katanya.

Beliau berkata berbagai aktiviti dijalankan melalui program itu seperti motivasi dan kelas tambahan.

Beliau berkata program yang dilaksanakan dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) itu akan diperluaskan ke kem lain.

"Kita akan serahkan pada UPM untuk buat penilaian dan jika ia berkesan, kita akan bina di kem lain dengan bekerjasama pihak-pihak lain yang berdekatan," katanya.

Perkhidmatan Komuniti Desa Tun Hussein Onn menyediakan pelbagai kemudahan seperti pusat IT, tuisyen dan perpustakaan, kaunseling dan gimnasium.

-- BERNAMA

KK AHH MOZ